KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




# 24 JAM BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **7 OGOS 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Pelaksanaan penyasaran subsidi diesel

# Pematuhan peniaga baik, kes pencatutan terkawal

**Sepang:** Tahap pematuhan peniaga dalam tempoh dua bulan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel adalah baik, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali.

Beliau berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) hanya menerima 83 aduan awam berhubung isu kenaikan harga barang dan perkhidmatan selepas penyasaran subsidi dilaksanakan menerusi Ops Kesan 2.0, sejak 8 Jun hingga Ahad lalu.

Dalam tempoh itu, sebanyak 244 notis bertulis dikeluarkan Bahagian Penguat Kuasa KPDN mengikut Akta Kawalan Harga dan Pencatutan 2011 (AKHAP) dengan 10 kertas siasatan dibuka.

"Secara keseluruhannya, dalam tempoh dua bulan fasa awal pelaksanaan penyasaran subsidi diesel, jumlah kes membabitkan isu pencatutan adalah kecil dan terkawal.

"Jadi, saya ingin rakam penghargaan kepada komuniti peniaga yang bertanggungjawab dan tidak melakukan pencatutan," katanya selepas merasmikan 5 Petrol KLIA Pit Stop di sini, semalam.

Sementara itu, Armizan berkata, dalam tempoh berkenaan juga, KPDN membuat pemeriksaan terhadap 24,566 premis perniagaan di seluruh negara.

"Selain menerima aduan, kita (KPDN) turut bertindak aktif melaksanakan pemeriksaan di pelbagai premis," katanya.

Harga diesel di semua stesen runcit Semenanjung ditetapkan pada kadar RM3.35 bagi setiap liter bermula 10 Jun iaitu harga pasaran tanpa subsidi berdasarkan purata bulan Mei 2024 mengikut formula Mekanisme Harga Automatik.

Armizan turut menggesa semua pengusaha stesen minyak mematuhi kerangka perundangan sedia ada antaranya Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan Akta Kawalan Bekalan 1961.

Beliau berkata, sebanyak 642 kes membabitkan kesalahan di stesen minyak direkodkan Bahagian Penguat Kuasa KPDN sejak 2022 hingga kini.

BERNAMA




*Armizan (tiga dari kanan) merasmikan 5 Petrol KLIA Pit Stop di Sepang, semalam.*
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo!
SUARA KONTEMPORARI
HARI: RABU
TARIKH: 7/8/2024
M/SURAT: 7

# Pematuhan penyasaran diesel pada tahap baik – Armizan

**SEPANG** – Tahap pematuhan berhubung penyasaran subsidi diesel oleh pengusaha stesen minyak bagi tempoh dua bulan iaitu sejak Jun hingga Ogos adalah baik.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, pihaknya hanya menerima 83 aduan awam berkait isu kenaikan harga barang dan perkhidmatan pasca penyasaran subsidi diesel sejak 8 Jun hingga Ahad lepas.

Katanya, bagi tempoh berkenaan juga, KPDN telah melaksanakan pemeriksaan terhadap 24,886 premis perniagaan dalam Ops Kesan 2.0.

Jelasnya, sebanyak 244 notis bertulis telah dikeluarkan oleh Bahagian Penguatkuasa KPDN di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2021 (AKHAP) dengan 10 kertas siasatan telah dibuka.

"Secara keseluruhan, bagi tempoh dua bulan fasa awal pelaksanaan penyasaran subsidi diesel, jumlah kes yang melibatkan isu pencatutan adalah kecil dan terkawal.

"Ini membuktikan tahap pematuhan dalam kalangan sebahagian besar peniaga adalah baik," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan stesen minyak Five KLIA Pit Stop di sini, semalam.

Armizan berkata, pihaknya menghargai komitmen komuniti perniagaan yang secara keseluruhannya tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barangan dan perkhidmatan pascapenyasaran subsidi diesel.

"Pada masa sama, KPDN akan terus memperkasa pemantauan di semua peringkat menerusi Ops Kesan 2.0 dan maklum balas awam adalah amat dialu-alukan," jelasnya.



**PENYASARAN** subsidi minyak diesel telah dilakukan pada 8 Jun lalu. – GAMBAR HIASAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Penyasaran subsidi: Pematuhan peniaga baik - Armizan




**Armizan (tiga dari kanan) melakukan gimik perasmian 5Petrol KLIA Pit Stop di Sepang, pada Selasa.**

**SEPANG** - Tahap pematuhan peniaga dalam tempoh dua bulan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel adalah baik, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali.

Menurutnya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) hanya menerima 83 aduan awam berhubung isu kenaikan harga barang serta perkhidmatan selepas penyasaran subsidi dilaksanakan menerusi Ops Kesan 2.0, yang bermula sejak 8 Jun hingga Ahad lepas.

Dalam tempoh itu, sebanyak 244 notis bertulis dikeluarkan oleh Bahagian Penguat Kuasa KPDN di bawah Akta Kawalan Harga dan Pencatutan 2011 (AKHAP) dengan 10 kertas siasatan dibuka.

"Secara keseluruhannya, dalam tempoh dua bulan fasa awal pelaksanaan penyasaran subsidi diesel, jumlah kes melibatkan isu pencatutan adalah kecil dan terkawal.

"Pada kesempatan ini, saya ingin rakam penghargaan kepada komuniti peniaga yang bertanggungjawab dan tidak lakukan pencatutan," katanya selepas merasmikan 5 Petrol KLIA Pit Stop di sini pada Selasa.

Menurut Armizan, dalam tempoh berkenaan juga, KPDN telah membuat pemeriksaan terhadap 24,666 premis perniagaan di seluruh negara.

"Selain menerima aduan, kita (KPDN) turut bertindak aktif melaksanakan pemeriksaan di pelbagai premis," katanya.

Harga diesel di semua stesen runcit Semenanjung ditetapkan pada kadar RM3.35 bagi setiap liter bermula 10 Jun iaitu harga pasaran tanpa subsidi berdasarkan purata bulan Mei 2024 mengikut formula Mekanisme Harga Automatik.

Sementara itu, Armizan menggesa semua pengusaha stesen minyak agar mematuhi kerangka perundangan sedia ada antaranya Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan Akta Kawalan Bekalan 1961.

Beliau berkata, sebanyak 642 kes melibatkan kesalahan di stesen minyak direkodkan Bahagian Penguat Kuasa KPDN sejak 2022 hingga kini. - *Bernama*

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: RABU
TARIKH: 7/8/2024
M/SURAT: 2

# Input Belanjawan: KPDN fokus tangani kos sara hidup

SEPANG: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) giat melaksanakan sesi libat urus dengan pelbagai pihak bagi mendapatkan input Belanjawan 2025, dengan menumpukan pada menangani serta mengurangkan kos sara hidup.

Menteri berkaitan Datuk Armizan Mohd Ali berkata hal itu susulan arahan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahu setiap kementerian mengadakan sesi libat urus untuk belanjawan tersebut.

Setakat ini katanya, KPDN telah melaksanakan dua sesi libat urus dengan sektor peruncitan dan badan bukan kerajaan (NGO) pengguna.

"Kita (juga) bentangkan dapatannya dalam bentuk nota Jemaah Menteri kerana ada isu-isu melibatkan skop (purview) kementerian lain," katanya.

Anwar sebelum ini dilaporkan berkata Belanjawan 2025 yang dijadual dibentangkan pada 18 Okt ini, bertemakan "Ekonomi Madani, Negara Makmur, Rakyat Sejahtera", akan memberikan tumpuan kepada aspek menangani dan mengurangkan kos sara hidup.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata isu kos sara hidup sentiasa menjadi kebimbangan rakyat dan menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memberikan keselesaan kepada rakyat yang terkesan. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: RABU
TARIKH: 7/8/2024
M/SURAT: 3

# Majority of traders comply: Armizan

SEPANG: The majority of traders display good level of compliance throughout the two-month period of the targeted diesel subsidy initiative, said Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali.

He said that the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) received only 83 public complaints about the increase in prices of goods and services following the implementation of the targeted diesel subsidy under Ops Kesan 2.0, which began on June 8.

Armizan said during that period, the KPDN enforcement division issued 244 written notices under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011, and 10 investigation papers were opened.

He said that during the same period, 24,666 business premises across the country were inspected under Ops Kesan 2.0.

"Overall, during the two-month initial phase of the targeted diesel subsidy implementation, the number of profiteering cases was small and under control," he said after officiating 5 Petrol KLIA Pit Stop here Tuesday.

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: RABU
TARIKH: 7/8/2024
M/SURAT: 4

# Engaging stakeholders for Budget 2025 input

SEPANG: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) is actively conducting engagement sessions with various stakeholders to gather input for Budget 2025, with a focus on lowering the cost of living.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said this follows the directive from Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, who has instructed all ministries to hold engagement sessions for the upcoming budget.

To date, KPDN has held two engagement sessions with the retail sector and consumer non-governmental organisations (NGOs).

"We have also presented the findings in the form of a Cabinet note, as there are issues that fall within the purview of other ministries," he said. –Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: RABU
TARIKH: 7/8/2024
M/SURAT: 5

# Targeted diesel subsidy: Traders display good level of compliance — Armizan

**SEPANG:** The majority of traders display good level of compliance throughout the two-month period of the targeted diesel subsidy initiative, said Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali.

He said that the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) received only 83 public complaints about the increase in prices of goods and services following the implementation of the targeted diesel subsidy under Ops Kesan 2.0, which began on June 8.

Armizan said during that period, the KPDN enforcement division issued 244 written notices under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011, and 10 investigation papers were opened.

He said that during the same period, 24,666 business premises across the country were inspected under Ops Kesan 2.0.

"Overall, during the two-month initial phase of the targeted diesel subsidy implementation, the number of profiteering cases was small and under control," he said after officiating 5 Petrol KLIA Pit Stop here Tuesday.

KPDN has been implementing Ops Kesan 2.0 since June 8, to ensure that there is no adjustment of prices of goods and services with profiteering elements.

Starting June 10, the price of diesel at all retail stations across the peninsula has been set at RM3.35 per litre, which is the market price without subsidy, based on the May 2024 average according to the Automatic Pricing Mechanism formula. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: RABU
TARIKH: 7/8/2024
M/SURAT: 7




Police photo shows the lorry tanker that was used to transport the diesel.

# One arrested as cops seize lorry tanker carrying 5,000 litres of diesel

**MIRI:** An Op Kontraban operation here on Monday saw Marine Police personnel arrest a man and seize a lorry tanker transporting some 5,000 litres of diesel.

Miri police chief ACP Alexson Naga Chabu said in the 12.30pm operation, the team stopped the lorry tanker by the roadside near Mile 8 Lambir Miri-Bintulu road.

"Upon checking, the driver admitted to transporting the diesel without any documents. He also failed to produce any documents related to the fuel.

"As such, the man committed an offence under the Control of Supplies Act 1961," he said in a statement yesterday.

He said the lorry tanker, valued at RM95,000, and the fuel worth RM19,000, were handed over to the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living for further action.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: RABU
TARIKH: 7/8/2024
M/SURAT: 10



Datuk Armizan Mohd Ali

# Targeted diesel subsidy: Traders display good level of compliance, says Armizan

SEPANG: The majority of traders display good level of compliance throughout the two-month period of the targeted diesel subsidy initiative, said Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali.

He said that the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) received only 83 public complaints about the increase in prices of goods and services following the implementation of the targeted diesel subsidy under Ops Kesan 2.0, which began on June 8.

Armizan said during that period, the KPDN enforcement division issued 244 written notices under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011, and 10 investigation papers were opened.

He said that during the same period, 24,666 business premises across the country were inspected under Ops Kesan 2.0.

"Overall, during the two-month initial phase of the targeted diesel subsidy implementation, the number of profiteering cases was small and under control," he said after officiating the 5 Petrol KLIA Pit Stop, here yesterday. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

HARI: RABU
TARIKH: 7/8/2024
M/SURAT: 1



RAMPAS: Pasukan KPDN Sabah memeriksa minyak diesel di dalam lori berkenaan semasa menjalankan Op Tiris 3.0.

# Op Tiris 3.0, KPDN rampas 206 liter diesel

[illegible]

KOTA KINABALU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sabah berjaya menggagalkan kegiatan penyelewengan barang kawalan dalam Op Tiris yang dilaksanakan di Jalan Datuk Panglima Bantang, Penampang baru-baru ini.

Pengarah KPDN Sabah Georgie Abas berkata, serbuan jam 11 pagi di sebuah stesen minyak itu berjaya merampas 206 liter minyak diesel dan menahan seorang lelaki bagi membantu siasatan.

"Bertindak dengan maklumat, sepasukan pegawai penguat kuasa dari Ibu Pejabat KPDN Sabah melakukan siasatan di lokasi sebelum mengesan sebuah lori kotak cuba membuat pembelian minyak diesel di stesen minyak terbabit.

"Pemeriksaan lanjut mendapati, lori berkenaan mempunyai tangki tambahan jenis fiber di bahagian belakang dan dipercayai mengandungi minyak diesel yang dianggarkan berjumlah 206 liter.

"Lori dan minyak diesel terbabit seterusnya disita untuk siasatan lanjut selepas pemandu gagal mengemukakan sebarang dokumen atau kebenaran daripada KPDN untuk membeli dan membawa minyak diesel yang disimpan di dalam tangki tambahan selain tangki minyak kenderaan," katanya.

> Lihat Muka [illegible]

## Op Tiris 3.0, KPDN rampas 206 liter diesel

> Dari Muka 1

Beliau berkata, nilai sitaan keseluruhan berjumlah RM[illegible] dan seorang pemandu lori warganegara tempatan berumur 31 tahun turut ditahan bagi membantu siasatan.

"Sebagai tindakan lanjut, kes ini akan disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan iaitu minyak diesel dengan tujuan untuk melakukan kesalahan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122).

"Mana-mana individu yang disabit dengan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM1 juta, manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Bagi syarikat pula, jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman denda tidak melebihi RM2 juta, manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM5 juta," katanya.

Beliau juga menegaskan KPDN Sabah akan terus menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap semua kegiatan berkaitan barang kawalan di negeri ini agar tidak berlaku sebarang bentuk penyelewengan barang kawalan.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai aktiviti yang melanggar perundangan ini boleh menyalurkan aduan kepada pihak kementerian melalui saluran WhatsApp talian 019-848 8000, Portal e-Aduan KPDN iaitu http://eaduan.kpdn.gov.my, Call Centre 1-800-886-800 dan Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN," katanya.

Utusan Borneo online

HARI: RABU

TARIKH: 7/8/2024

M/SURAT: 6

# Keputusan representasi Adam Radlan 4 Sept

KUALA LUMPUR: Mahkamah Sesyen menetapkan 4 Sept ini untuk keputusan representasi dikemukakan Timbalan Ketua Bahagian Bersatu Segambut Adam Radlan Adam Muhammad berhubung 12 pertuduhan rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan projek Jana Wibawa.

Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Fadhly Mohd Zamry memaklumkan kepada Hakim Suzana Hussin bahawa pihak pendakwaan masih belum memperoleh keputusan representasi itu yang diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) pada 4 Julai lepas.

"Hari ini (semalam) ditetapkan keputusan representasi, namun pihak kami masih belum mendapat keputusan representasi berkenaan yang dikemukakan pihak peguam. Pada hari ini, pihak pendakwaan baru sahaja mendapat tarikh baharu daripada AGC iaitu pada 28 Ogos ini bagi keputusan representasi.

"Oleh itu, pihak kami juga memohon mahkamah menetapkan satu tarikh sebutan baharu bagi keputusan representasi selain memohon supaya mahkamah menangguhkan perbicaraan yang sepatutnya bersambung esok (hari ini)," kata Mohamad Fadhly.

Peguam Datuk Seri Rajan Navaratnam yang mewakili Adam Radlan, 43, tidak membantah permohonan pihak pendakwaan.

Suzana melapangkan tarikh perbicaraan yang ditetapkan hari ini.

Pada 9 Julai lepas, saksi pendakwaan pertama iaitu penolong pendaftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) R. Harshini selesai memberi keterangan pada hari pertama perbicaraan kes Adam Radlan yang berdepan lima pertuduhan rasuah dan tujuh pertuduhan pengubahan wang haram.

Mengikut pertuduhan, Adam Radlan didakwa atas satu pertuduhan meminta suapan wang tunai 3.5 hingga tujuh peratus daripada nilai projek yang akan diperoleh daripada Mat Jusoh yang merupakan Pengarah Urusan MIE Infrastructure & Energy Sdn Bhd.

Dia turut didakwa menerima suapan RM500,000 daripada individu sama sebagai upah membantu syarikat itu mendapatkan surat sama bagi Projek Membina Jalan Sungai Adam ke Kampung Banat, Perlis daripada kerajaan secara rundingan terus yang jumlah keseluruhannya bernilai RM47.8 juta.

Adam Radlan juga menghadapi tiga pertuduhan menerima suapan berjumlah RM4.1 juta daripada Lian dan Mat Jusoh, sebagai upah tertuduh membantu Nepturis Sdn Bhd serta MIE Infrastructure & Energy mendapatkan dua projek Jana Wibawa dan juga secara rasuah, meminta wang RM2 juta daripada Lian, sebagai upah membantu syarikat Nepturis mendapatkan projek sama.

Kesemua pertuduhan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau mana-mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Adam Radlan turut berdepan tujuh pertuduhan pengubahan wang haram berjumlah lebih RM3 juta mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Kesemua kesalahan itu didakwa dilakukan di sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya antara Mac 2021 hingga Januari 2023. — Bernama



TIBA: Adam Radlan (kanan) ketika tiba di Mahkamah Kuala Lumpur semalam.

Utusan Borneo online

HARI: RABU

TARIKH: 7/8/2024

M/SURAT: 7

# Libat urus input belanjawan: KPDN fokus tangani kos sara hidup

SEPANG: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) giat melaksanakan sesi libat urus dengan pelbagai pihak bagi mendapatkan input Belanjawan 2025, dengan menumpukan pada menangani serta mengurangkan kos sara hidup.

Menteri berkaitan Datuk Armizan Mohd Ali berkata hal itu susulan arahan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahu setiap kementerian mengadakan sesi libat urus untuk belanjawan tersebut.

Setakat ini katanya, KPDN telah melaksanakan dua sesi libat urus dengan sektor peruncitan dan badan bukan kerajaan (NGO) pengguna.

"Kita (juga) bentangkan dapatannya dalam bentuk nota Jemaah Menteri kerana ada isu-isu melibatkan skop (purview) kementerian lain," katanya.

Anwar sebelum ini dilaporkan berkata Belanjawan 2025 yang dijadual dibentangkan pada 18 Okt ini, bertemakan "Ekonomi MADANI, Negara Makmur, Rakyat Sejahtera", akan memberikan tumpuan kepada aspek menangani dan mengurangkan kos sara hidup.



JAWAB: Armizan ketika ditemui media selepas perasmian 5Petrol KLIA Pit Stop di Sepang, dekat Putrajaya, semalam. — Gambar Bernama

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata isu kos sara hidup sentiasa menjadi kebimbangan rakyat dan menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memberikan keselesaan kepada rakyat yang terkesan.

Sementara itu, Armizan berkata dalam menangani kos sara hidup, KPDN akan memberikan fokus pada aspek peningkatan dan penciptaan pendapatan kepada rakyat.

"Sebelum ini, tumpuan kita perlu kawal harga barangan, perkhidmatan, tapi penting (untuk) lihat aspek untuk tingkatkan pendapatan boleh guna rakyat," katanya. — Bernama

Utusan Borneo online

HARI: RABU
TARIKH: 7/8/2024
M/SURAT: 1



**DISITA:** Lori tangki terbabit ditahan di tepi jalan Lebuh Raya Bintulu-Miri kelmarin.

## URM gagalkan penyelewengan 5,000 liter minyak diesel

**MIRI:** Unit Risikan Marin (URM) Markas Taktikal Pasukan Polis Marin Wilayah 5 Miri menggagalkan penyelewengan 5,000 liter minyak diesel yang diangkut menggunakan sebuah lori tangki.

Ketua Polis Daerah Miri ACP Alexson Naga Chabu berkata, pemandu lori tangki itu ditahan dalam Ops Taring Kontraban oleh lima pegawai dan anggota URM kira-kira jam 12.30 tengah hari kelmarin.

Lori tangki berkapasiti 16,000 liter itu ditahan di tepi jalan Lebuh Raya Bintulu-Miri berhampiran Miri Departmental Store Batu 8, Lambir.

Hasil pemeriksaan dan pengakuan lisan daripada pemandu lori tangki terbabit mengaku membawa minyak diesel tanpa dokumen.

Pemandu terbabit gagal mengemukan sebarang bukti berdokumen mengenai minyak diesel tersebut, kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Susulan itu, sebuah lori jenis lori tangki berwarna hijau dianggarkan bernilai RM95,000 dan minyak diesel dalam tangki 5,000 liter dianggarkan bernilai RM19,000 telah disita. Nilai keseluruhan rampasan adalah RM114,000.

Semua barang rampasan dan tangkapan diserahkan kepada pegawai penyiasat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Miri untuk siasatan dan tindakan selanjutnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: RABU

TARIKH: 7/8/2024

M/SURAT: 8

# Libat urus input Belanjawan 2025: KPDN fokus tangani kos sara hidup

**SEPANG:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) giat melaksanakan sesi libat urus dengan pelbagai pihak bagi mendapatkan input Belanjawan 2025, dengan menumpukan pada menangani serta mengurangkan kos sara hidup.

Menteri berkaitan Datuk Armizan Mohd Ali berkata hal itu susulan arahan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahu setiap kementerian mengadakan sesi libat urus untuk belanjawan tersebut.

Setakat ini katanya, KPDN telah melaksanakan dua sesi libat urus dengan sektor peruncitan dan badan bukan kerajaan (NGO) pengguna.

"Kita (juga) bentangkan dapatannya dalam bentuk nota Jemaah Menteri kerana ada isu-isu melibatkan skop (purview) kementerian lain," katanya.

Anwar sebelum ini dilaporkan berkata Belanjawan 2025 yang dijadual dibentangkan pada 18 Oktober ini, bertemakan "Ekonomi MADANI, Negara Makmur, Rakyat Sejahtera", akan memberikan tumpuan kepada aspek menangani dan mengurangkan kos sara hidup.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata isu kos sara hidup sentiasa menjadi kebimbangan rakyat dan menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memberikan keselesaan kepada rakyat yang terkesan.

Sementara itu, Armizan berkata dalam menangani kos sara hidup, KPDN akan memberikan fokus pada aspek peningkatan dan penciptaan pendapatan kepada rakyat.

"Sebelum ini, tumpuan kita perlu kawal harga barangan, perkhidmatan, tapi penting (untuk) lihat aspek untuk tingkatkan pendapatan boleh guna rakyat," katanya. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

மக்கள் ஓசை

HARI: RABU

TARIKH: 7/8/2024

M/SURAT: 4

## இலக்கிடப்பட்ட டீசல் உதவித்தொகை:

# முறைகேடு நடவடிக்கைகள் குறைந்துள்ளன




பெட்டாலிங் ஜெயா, ஆக.7- ஜூன் 10-ஆம் தேதி முதல் இலக்கிடப்பட்ட டீசல் மானியம் அமல்படுத்தப்பட்டதை அடுத்து முறைகேடு நடவடிக்கைகள் குறைந்துள்ளதாக உள்நாட்டு வாணிபம் வாழ்க்கைச் செலவின அமைச்சர் அர்மிசான் அலி தெரிவித்தார்.

கடந்த இரண்டு மாதங்களாக இந்த செயல்பாடு அமலில் உள்ள நிலையில் அதற்கு பெரும்பாலான வியாபாரிகளிடமிருந்து முழு ஒத்துழைப்பு கிடைக்கின்றது. டீசல் மானியத்தை இலக்காகக் கொண்டு பொருட்கள், சேவைகளின் விலையை அதிகரிப்பதை ஒட்டுமொத்த மாகப் பயன்படுத்தாத வணிக சமூகத்தின் சேவையைத் தனது அமைச்சு பாராட்டுவதாகவும் அவர் தெரிவித்தார்.

அதே நேரத்தில், உள்நாட்டு வாணிபம் வாழ்க்கைச் செலவின அமைச்சின் கீழ் செயல்படுத்தப்படும் ஓப்ஸ் கெசான் 2.0 திட்டத்தின் மூலம் அனைத்து மட்டங்களிலும் கண்காணிப்பு நடவடிக்கை மேற்கொள்ளப் பட்டுவருவதையும் அமைச்சர் குறிப்பிட்டார்.

அதே சமயம் டீசல் மானி யத்தை இலக்காகக் கொண் டதைத் தொடர்ந்து பொருட்கள், சேவைகளுக் கான விலை உயர்வு குறித்த 83 புகார்களை இதுவரை தனது அமைச்சு பெற்றுள் ளது. விலைக் கட்டுப்பாடு, லாப தடைச் சட்டம் 2011 இன் கீழ் உள்நாட்டு வாணிபம் வாழ்க்கைச் செலவின அமலாக்கப் பிரிவு வழங்கிய 244 எழுத்துப் பூர்வ அறிவிப்பு களில் 10 விசாரணை அறிக்கைகள் திறக்கப்பட்டுள்ளன. பின்னர் அவை டிபிபி அலுவலகத் திற்கு அனுப்பப்படும் என்றார் அவர்.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Keputusan representasi Adam Radlan 4 September

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Sesyen di sini, semalam, menetapkan 4 September depan untuk keputusan representasi dikemukakan Timbalan Ketua BERSATU Bahagian Segambut, Adam Radlan Adam Muhammad, berhubung 12 pertuduhan rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan projek Jana Wibawa yang dihadapinya.

Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Fadhly Mohd Zamry, memaklumkan kepada Hakim Suzana Hussin bahawa pihak pendakwaan masih belum memperoleh keputusan representasi itu yang diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) pada 4 Julai lalu.

"Hari ini (semalam) ditetapkan untuk keputusan representasi, namun pihak kami masih belum mendapat keputusan representasi itu yang dikemukakan pihak peguam. Hari ini (semalam), pihak pendakwaan baru saja mendapat tarikh baharu daripada AGC, iaitu pada 28 Ogos ini bagi keputusan representasi.

"Oleh itu, pihak kami juga memohon mahkamah menetapkan satu tarikh sebutan baharu bagi keputusan representasi, selain memohon supaya mahkamah menangguhkan perbicaraan yang sepatutnya bersambung esok (hari ini)," kata Mohamad Fadhly.

Peguam, Datuk Seri Rajan Navaratnam yang mewakili Adam Radlan, 43, tidak membantah permohonan pihak pendakwaan.

Suzana kemudian melapangkan tarikh perbicaraan yang ditetapkan, hari ini.

Pada 9 Julai lalu, saksi pertama pendakwaan yang juga Penolong Pendaftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), R Harshini, selesai memberi keterangan pada hari pertama perbicaraan kes Adam Radlan yang berdepan lima pertuduhan rasuah dan tujuh pertuduhan pengubahan wang haram.

Mengikut pertuduhan, Adam Radlan didakwa atas satu pertuduhan meminta suapan wang tunai 3.5 hingga tujuh peratus daripada nilai projek yang akan diperoleh daripada Mat Jusoh Mamat yang merupakan Pengarah Urusan MIE Infrastructure & Energy Sdn Bhd.

Dia turut didakwa menerima suapan RM500,000 daripada individu sama sebagai upah membantu syarikat itu mendapatkan surat sama bagi Projek Membina Jalan Sungai Adam ke Kampung Banat, Perlis, daripada kerajaan secara rundingan terus yang jumlah keseluruhan bernilai RM47.8 juta.

Adam Radlan juga menghadapi tiga pertuduhan menerima suapan berjumlah RM4.1 juta daripada Lian Tian Chuan dan Mat Jusoh sebagai upah tertuduh membantu Nepturis Sdn Bhd serta MIE Infrastructure & Energy mendapatkan dua projek Jana Wibawa dan juga secara rasuah meminta wang RM2 juta daripada Tian Chuan sebagai upah membantu syarikat Nepturis mendapatkan projek sama.

Semua pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum bawah Seksyen 24(1) akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau mana-mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Adam Radlan turut berdepan tujuh pertuduhan pengubahan wang haram berjumlah lebih RM3 juta mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Semua kesalahan itu didakwa dilakukan di sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya antara Mac 2021 hingga Januari 2023.

Utusan Malaysia

HARI: RABU
TARIKH: 7/8/2024
M/SURAT: 9

# Keputusan representasi Adam Radlan 4 September

KUALA LUMPUR: Mahkamah Sesyen di sini semalam menetapkan 4 September ini bagi memuktamadkan representasi Timbalan Ketua Bahagian Bersatu Segambut, Adam Radlan Adam Muhammad berkaitan lima kes rasuah berhubung projek Jana Wibawa dan tujuh kes pengubahan wang haram (AMLA).

Hakim Suzana Hussin menetapkan tarikh itu selepas Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Fadly Mohd. Zamry memaklumkan pihaknya belum menerima keputusan representasi daripada Jabatan Peguam Negara (AGC).

Kata beliau, pihak pendakwaan menerima tarikh baharu daripada AGC bahawa status representasi akan dimaklumkan pada 28 Ogos ini.

Sehubungan itu, Mohamad Fadly memohon tarikh perbicaraan semalam ditangguhkan sementara menunggu perkembangan representasi berkenaan.

Sementara itu, peguam Datuk Seri Rajan Navaratnam yang mewakili Adam Radlan tiada bantahan terhadap penangguhan yang dipohon pendakwaan.

Adam Radlan, 43, mengemukakan representasi kepada AGC pada 4 Julai lalu, lima hari sebelum perbicaraan bermula pada 9 Julai.

Sementara itu, pada hari pertama perbicaraan, mahkamah mendengar keterangan Penolong Pendaftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), R. Harshini, 34, yang menyatakan, Adam Radlan adalah pengarah dan pemegang saham bagi syarikat Bayu Bumiraya Sdn Bhd.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 7 OGOS 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 7-Aug | PENYASARAN SUBSIDI: PEMATUHAN PENIAGA BAIK - ARMIZAN | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2326023 | BERNAMA |
| 7-Aug | Penyasaran subsidi: Isu pencatutan harga barang kecil, terkawal | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/penyasaran-subsidi-isu-pencatutan-harga-barang- | UTUSAN MALAYSIA |
| 7-Aug | Jana Wibawa: Keputusan representasi Adam Radlan 4 Sept | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jana-wibawa-keputusan-representasi-adam-radlan-4-sept-482274 | ASTRO AWANI |
| 7-Aug | Keputusan representasi Adam Radlan 4 September | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1281221/keputusan-representasi- | BERITA HARIAN |
| 7-Aug | Another 206 litres diesel seized in Penampang | https://www.dailyexpress.com.my/news/239441/another-206-litres-diesel-seized-in- | DAILY EXPRESS |
| 7-Aug | KPDN Rampas 206 Liter Diesel, Tahan Seorang Lelaki Di Penampang | https://sabahnews.com.my/kpdn-rampas-206-liter-diesel-tahan-seorang-lelaki-di-penampang/ | SABAH NEWS |
| 7-Aug | KPDN rampas 206 liter diesel, tahan seorang lelaki dalam Op Tiris 3.0 | https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/06/kpdn-rampas-206-liter-diesel-tahan-seorang-lelaki-dalam-op- | UTUSAN BORNEO |
| 7-Aug | Penyasaran subsidi, pematuhan peniaga baik - Armizan | https://www.sinarharian.com.my/article/678864/berita/nasional/penyasaran-subsidi-pematuhan-peniaga-baik---armizan | SINAR HARIAN |
| 7-Aug | Penyasaran subsidi: Pematuhan peniaga di tahap baik – Armizan | https://www.buletintv3.my/nasional/penyasaran-subsidi-pematuhan-peniaga-di-tahap-baik-armizan/#google_vignette | BULEITN TV3 |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 7-Aug | Penyasaran subsidi: Pematuhan peniaga baik - Armizan | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1281275/penyasaran-subsidi-pematuhan-peniaga-baik-armizan | BERITA HARIAN |
| 7-Aug | Penyasaran subsidi: Pematuhan peniaga baik - Armizan | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penyasaran-subsidi-pematuhan-peniaga-baik-armizan-482317 | ASTRO AWANI |
| 7-Aug | Penyasaran subsidi diesel: Pematuhan pada tahap baik – Armizan | https://www.kosmo.com.my/2024/08/06/penyasaran-subsidi-diesel-pematuhan-pada- | KOSMO |
| 7-Aug | Tahap pematuhan peniaga sepanjang pelaksanaan penyarasan subsidi diesel adalah baik – Armizan | https://www.wilayahku.com.my/tahap-pematuhan-peniaga-sepanjang-pelaksanaan-penyarasan-subsidi-diesel-adalah-baik-armizan/ | WILAYAHKU |
| 7-Aug | Targeted diesel subsidy: Traders display good level of compliance - Armizan | https://thesun.my/cerita/berita/targeted-diesel-subsidy-traders-display-good-level-of-compliance-armizan-FJ12824098#google_vignet | THE SUN |
| 7-Aug | KPDN engages stakeholders for Budget 2025 input | https://thesun.my/local-news/kpdn-engages-stakeholders-for-budget-2025-input-PJ12823936 | THE SUN |
| 7-Aug | Libat urus input Belanjawan 2025: KPDN fokus tangani kos sara hidup | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/libat-urus-input-belanjawan-2025-kpdn-fokus-tangani-kos-sara- | ASTRO AWANI |
| 7-Aug | KPDN engaging stakeholders for Budget 2025 input | https://theedgemalaysia.com/node/721898 | THE EDGE MALAYSIA |
| 7-Aug | LIBAT URUS INPUT BELANJAWAN: KPDN FOKUS TANGANI KOS SARA HIDUP | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2326030 | BERNAMA |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 7-Aug | Dua warga emas kantoi cuba seludup petrol | https://www.sinarharian.com.my/article/678926/berita/semasa/dua-warga-emas-kantoi-cuba-seludup-petrol | SINAR HARIAN |
| 7-Aug | Dua warga emas seludup petrol guna MPV dicekup | https://www.utusan.com.my/berita/2024/08/dua-warga-emas-seludup-petrol-guna-mpv-dicekup/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 7-Aug | Marine police nab man, seize lorry tanker carrying 5,000 litres of diesel in Miri | https://www.theborneopost.com/2024/08/06/marine-police-nab-man-seize-lorry-tanker-carrying-5000-litres-of-diesel-in-miri/ | THE BORNEO POST |
| 7-Aug | Marine police seize lorry tanker with subsidised diesel on Bintulu-Miri Highway | https://www.newsarawaktribune.com.my/marine-police-seize-lorry-tanker-with-subsidised-diesel-on-bintulu-miri-highway/ | NEW SARAWAK TRIBUNE |
| 7-Aug | Marine Police seize smuggled diesel fuel from tanker in Miri | https://dayakdaily.com/marine-police-seize-smuggled-diesel-fuel-from-tanker-in-miri/ | DAYAK DAILY |
| 7-Aug | Polis Marin mengagalkan penyelewengan 5,000 liter diesel bernilai RM19,000 di Miri | https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/06/polis-marin-mengagalkan-penyelewengan-5000-liter-diesel-bernilai-rm19000-di-miri | UTUSAN BORNEO |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT